

05 JUN 2002

Syed Hamid-Lawatan

LAWATAN PERDANA MENTERI KE VATICAN CITY TEPAT PADA MASANYA

PUTRAJAYA, 5 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Vatican City untuk bertemu Ketua Agama Roman Katholik Pope John Paul II adalah sesuatu yang diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin negara-negara Islam lain, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata pertemuan Perdana Menteri dan Pope yang tepat pada masanya itu memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin berlainan agama itu membincangkan isu-isu semasa bagi mewujudkan dunia yang lebih aman dan damai.

"Yang penting dalam lawatan ini ialah untuk mengadakan dialog dan perbincangan mengenai soal-soal kefahaman yang merangkumi isu Asia Barat, keganasan dan masalah kefahaman terhadap Islam," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas menerima kunjungan hormat oleh utusan khas Presiden Malawi, Leonard K. Mangulama di pejabatnya di sini hari ini.

Syed Hamid berkata perbincangan Dr Mahathir dengan Pope akan dapat membantu melahirkan keharmonian dan kefahaman yang lebih mendalam antara Islam dan Kristian bukan sahaja di Malaysia tetapi seluruh dunia khususnya dalam mewujudkan perbincangan antara tamadun dan agama.

Beliau berkata Malaysia sebagai menyokong perjuangan rakyat Palestin ingin melihat masalah rakyat Palestin yang berbilang agama diselesaikan segera.

"Masalah Palestin bukan masalah agama tetapi ia adalah masalah rakyat Palestin yang berbilang agama termasuk yang beragama Kristian dan tempat ibadat agama itu," katanya.

Syed Hamid berkata adalah penting bagi Pope sebagai pemimpin agama yang dihormati memainkan peranan untuk terus menyokong usaha-usaha mencapai kedamaian di Palestin di mana keadaan kini semakin buruk dengan keganasan demi keganasan terus berlaku.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa keganasan dan penaklukan hanya mencetuskan keganasan dan pendekatan paling sesuai bagi menjamin keselamatan ialah mengadakan rundingan damai antara Palestin dan Israel.

Perdana Menteri akan mengadakan lawatan ke Vatican City mulai 6 hingga 8 Jun sebelum melakukan lawatan rasmi ke Switzerland dan Luxembourg, masing-masing mulai 9 hingga 11 Jun dan dari 11 hingga 13 Jun.

Syed Hamid berkata lawatan perdana menteri ke Switzerland dan Luxembourg bertujuan meningkatkan perhubungan dua hala khususnya dalam kerjasama ekonomi dan pelaburan.

Katanya Luxembourg sebagai sebuah negara yang mempunyai operasi pengurusan dana yang berkesan diharap dapat mengadakan perhubungan kewangan dengan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan persisiran.

Mengenai pertemuan dengan Mangulama, Syed Hamid berkata kedatangan utusan khas Malawi itu bertujukan untuk mendapatkan bantuan Malaysia bagi mengatasi masalah kekurangan makanan berikutan masalah kemarau di negara itu.

Syed Hamid berkata kerajaan telah bersetuju untuk memberikan bantuan makanan bernilai US\$100,000 kepada Malawi.

Beliau berkata utusan Mangulama juga turut menyampaikan pesanan presiden Malawi bagi mendapatkan bantuan daripada Malaysia untuk membekalkan peralatan stesen televisyen bagi memulihkan stesen televisyen yang musnah berikutan kebakaran di negara itu.

Syed Hamid berkata Malaysia juga telah bersetuju untuk memberikan bantuan teknikal dalam bidang pertanian kepada Malawi.

-- BERNAMA  
HS ZB